

**TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN  
SEMPENA PROGRAM JALAN KAKI 50KM UNTUK SISWA SISWI TAHUN  
PERTAMA KUKUM PADA 30 JANUARI 2005 DI TASIK MELATI, BESERI,  
PERLIS.**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM.

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH DAN  
SALAM SEJAHTERA.

YANG AMAT BERHORMAT, DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM, MENTERI  
BESAR PERLIS,

YANG BERHORMAT ENCIK ZAHARI BIN BAKAR, AHLI DEWAN UNDANGAN  
NEGERI PERLIS KAWASAN SIMPANG EMPAT,

YANG BERHORMAT ENCIK BAKAR BIN SAAD, AHLI DEWAN UNDANGAN  
NEGERI PERLIS KAWASAN KUALA PERLIS,

YANG BERHORMAT PUAN AZIHANI BT. DATO' ALI, AHLI DEWAN  
UNDANGAN NEGERI PERLIS KAWASAN SENA,

YANG BERHORMAT ENCIK KHAIRI HASSAN, AHLI DEWAN UNDANGAN  
NEGERI PERLIS KAWASAN MATA AYER,

YANG BERHORMAT SENATOR ISMAIL BIN KASSIM, AHLI DEWAN NEGARA,

YANG BERBAHAGIA PROF. DR. ALI YEON MD. SHAKAFF, TIMBALAN  
REKTOR KUKUM,

YANG BERUSAHA TUAN HAJI RUSLI BIN ABD.HAMID, PENDAFTAR KUKUM,

YANG BERUSAHA TUAN HAJI AYOB ISMAIL, BENDAHARI KUKUM,

YANG BERUSAHA PUAN HAJJAH FOYZIAH AHMAD NASURUDIN, KETUA  
PUSTAKAWAN KUKUM,

YANG BERUSAHA ENCIK ABDUL JALIL BIN RAMLI, PENERUSI PROGRAM  
JALAN KAKI 50KM MERANGKAP PENGETUA KOLEJ KEDIAMAN,

DEKAN-DEKAN DAN KETUA-KETUA JABATAN,

WARGA KERJA KUKUM,

DAN MAHASISWA-MAHASISWI KUKUM YANG DIHORMATI SEKALIAN.

BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBBAHANU WA TAALA DI ATAS LIMPAH  
KURNIA, KASIH DAN SAYANG SERTA DENGAN IZIN-NYA DAPAT KITA  
BERKUMPUL PADA PETANG PENUH KEDAMAIAN DI DALAM PROGRAM  
JALAN KAKI 50KM UNTUK SISWA-SISWI TAHUN PERTAMA, KOLEJ  
UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA (KUKUM).

TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MENGUCAPKAN JUTAAN TAHNIAH DAN  
SYABAS KEPADA AHLI JAWATANKUASA PROGRAM JALAN KAKI 50KM INI  
DI ATAS KESUNGGUHAN MENCANAI IDEA, MENYUSUN KERJA DAN  
SETERUSNYA MENZAHIRKAN UPACARA.

SAYA SEDAR TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEMUA PASTI DIPAGUT DEK  
KETERBATASAN RUANG WAKTU KERJA YANG MENUNTUT PENGORBANAN  
MASA DAN KOMITMEN PERIBADI YANG TINGGI DALAM MEMASTIKAN  
PROGRAM INI BERLANGSUNG DENGAN JAYANYA.

SECARA JUJUR, SAYA SALUT DENGAN DEDIKASI YANG TELAH ANDA  
SEMUA TUNJUKKAN DEMI MEMARTABATKAN NAMA UNIVERSITI INI

SETANDING ATAU MALAH JAUH LEBIH BAIK DARI IPTA YANG LAIN BIARPUN TERADAT KATA-KATA SINIS YANG MEMPERLEKEH-LEKEHKAN PENCAPAIAN, USAHA DAN KEJAYAAN YANG TELAH KITA KECAPI.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

PROGRAM JALAN KAKI 50KM YANG DIADAKAN PADA HARI INI TELAH DIPERKENALKAN OLEH PIHAK PENGURUSAN TERTINGGI KUKUM KHUSUS KEPADA PELAJAR TAHUN PERTAMA DAN IA DILAKSANAKAN PADA SEMESTER KEDUA PENGAJIAN PARA PELAJAR.

PROGRAM INI ADALAH SEBAHAGIAN DARIPADA AKTIVITI YANG TERKANDUNG DI DALAM MODUL RAKAN PENDAMPING SISWA (RPS) YANG MANA SETIAP SISWA DAN SISWI KUKUM ADALAH WAJIB UNTUK MENYERTAINYA.

UNTUK MAKLUMAN SEMUA, PROGRAM RAKAN PENDAMPING SISWA ATAU RPS YANG TELAH SAYA LANCARKAN PADA BULAN OGOS TAHUN LALU, MERUPAKAN SUATU USAHA YANG MENYELURUH, BERSEPADU DAN TERANCANG KE ARAH MENYEDIAKAN SUATU PERKHIDMATAN BERKONSEPKAN 'MESRA SISWA', MEMFOKUSKAN PEMBANGUNAN INSAN YANG SEIMBANG DAN HARMONIS UNTUK MELAHIRKAN SISWA YANG CEMERLANG SERTA BERKETRAMPILAN DARI SEGI JASMANI, EMOSI, ROHANI, INTELEKTUAL DAN SOSIAL BAGI MEMENUHI VISI DAN VISI KUKUM.

JUSTERU ITU SATU PROGRAM YANG MAMPU MELAHIRKAN IMPIAN SERTA CITA-CITA MURNI KUKUM TERSEBUT TELAH DIRANGKA DENGAN TELITI SERTA JITU DAN MAKA LAHIR LAH PROGRAM INI. PROGRAM JALAN KAKI 50KM INI ADALAH SALAH SATU DARI TUJUH KURSUS TERAS KO-KURIKULUM KUKUM YANG WAJIB BAGI SEMUA PELAJAR DALAM

MEMENUHI SYARAT-SYARAT PENGIJAZAHAN SEPERTI MANA YANG TELAH DITETAPKAN OLEH PIHAK UNIVERSITI SELAIN 'KURSUS BINA NEGARA ASAS MAHASISWA', 'KURSUS BINA NEGARA MAHASISWA LANJUTAN', 'PROGRAM BERSAMA KOMUNITI DAN ANAK ANGKAT', 'BENGKEL KEPIMPINAN', 'KURSUS KEMAHIRAN KOMUNIKASI' DAN 'KURSUS ETIKA SOSIAL'.

MATLAMAT UTAMA PROGRAM INI ADALAH UNTUK MEMUPUK UNSUR-UNSUR PATRIOTISME DAN JATI DIRI BAGI SEMUA MAHASISWA DAN MAHASISWI KUKUM. PATRIOTISME DAN JATIDIRI ADALAH DUA PERKARA PENTING YANG SERING DITEKANKAN OLEH PEMIMPIN NEGARA KITA YANG BEGITU KHUATIR DENGAN KERUNTUHAN MORAL DAN AKHLAK DI KALANGAN GENERASI MUDA DI NEGARA INI YANG SEMAKIN MEMBIMBANGKAN.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

KUKUM SEBAGAI SEBUAH UNIVERSITI YANG DIANGGAP GELANGGANG PERMURNIAN ILMU TIDAK MAHU DILABELKAN SEBAGAI KILANG YANG MELAHIRKAN GRADUAN SEMATA-MATA. KUKUM RASA TERPANGGIL DAN DENGAN RASA PENUH TANGGUNGJAWAB TIDAK SEKADAR MAHU MELAHIRKAN GRADUAN SECARA TOTAL TETAPI MAHU ACUAN GRADUAN YANG DILAHIRKAN KELAK PUNYA KARISMA, 'OUTSTANDING DAN EXCELLENT' DARI SEGI BUDI BAHASA DAN NILAI-NILAI MURNI DAN BISA MENJADI 'ROLE MODEL' KEPADA MANA-MANA ORGANISASI YANG DISERTAI MEREKA KELAK.

SELAIN DARIPADA ITU, PROGRAM SEBEGINI JUGA SECARA TIDAK LANGSUNG DAPAT MENERATKAN LAGI TALI SILATURAHIM DAN PERPADUAN DI KALANGAN SISWA DAN SISWI TAHUN PERTAMA KUKUM. Y.A.B DATO' SERI UTAMA ABDULLAH BIN HAJI BADAWI, PERDANA

MENTERI MALAYSIA AMAT MENITIKBERATKAN PERPADUAN DI KALANGAN MASYARAKAT YANG BERBILANG BANGSA DAN KAUM DI NEGARA INI KERANA IA ADALAH ASAS TERPENTING DALAM MENENTUKAN KEHARMONIAN DAN KESEJAHTERAAN BAGI SEBUAH NEGARA YANG MERDEKA DAN BERDAULAT.

PROGRAM JALAN KAKI INI JUGA DAPAT MENINGKATKAN KECERGASAN FIZIKAL DAN MENTAL PARA MAHASISWA DAN MAHASISWI KERANA TANPA KESIHATAN TUBUH BADAN DAN MENTAL YANG BAIK, ADALAH SUKAR BAGI SESEORANG PELAJAR UNTUK MENERUSKAN PERJUANGAN DALAM MENUNTUT ILMU. SEPERTI MANA KATA YANG BIJAK PANDAI, 'OTAK YANG CERDAS LAHIRNYA DARI BADAN YANG SIHAT'

PUN BEGITU, SATU PERKARA YANG TERSIRAT DI DALAM PROGRAM JALAN KAKI INI IALAH IA DAPAT MENDIDIK PARA PESERTA AGAR SENTIASA BERSIKAP PROAKTIF DAN POSITIF KHUSUSNYA DALAM MENGHADAPI CABARAN YANG DIBERIKAN, MEMBENTUK PEMIKIRAN DAN SIKAP PESERTA DAN DAPAT MELATIH KEMAHIRAN BERKOMUNIKASI DI DALAM SUASANA YANG TIDAK FORMAL IAITU BERBEZA DARI APA YANG SERING MEREKA LALUI DI DALAM KELAS, MAKMAL DAN SEBAGAINYA.

SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN PADA PETANG INI, SAYA SEKALI LAGI INGIN MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH YANG TIDAK TERHINGGA DI ATAS KERJSAMA YANG TELAH DIBERIKAN OLEH SEMUA PIHAK BAGI MENJAYAKAN PROGRAM YANG BUAT JULUNG-JULUNG KALINYA DIADAKAN.

KEPADA AGENSI-AGENSI KERAJAAN SEPERTI PIHAK POLIS TRAFIK PERLIS, JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI PERLIS, JABATAN PERTAHANAN AWAM (JPA3), PASUKAN ASKAR WATANIAH, PERSATUAN BULAN SABIT MERAH MALAYSIA NEGERI PERLIS DAN CABANG KUKUM DAN LAIN-LAIN

AGENSI YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG MAHUPUN TIDAK LANGSUNG, SAYA UCAPKAN TERIMA KASIH DAUN KELADI.

SAYA SUDAHI DENGAN UCAPAN WABILLAHIT TAUFIK WALHIDAYAH WASALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHIT TAALA WABARAKATUH.